

26/11/1999

Tiada masalah di empat negeri: Pak Lah

JASIN, Khamis - Peluang Barisan Nasional (BN) untuk mencatat kemenangan di empat negeri yang menjadi tumpuannya dalam pilihan raya umum ini - Perlis, Kedah, Terengganu dan Kelantan - semakin cerah.

Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, berdasarkan lawatannya ke empat negeri berkenaan, beliau mendapati sokongan kepada calon-calon BN di sana meningkat.

"Jentera pilihan raya BN berjalan lebih lancar, lebih baik dan lebih kemas daripada peringkat permulaan," katanya kepada pemberita di rumah Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, di Batu Gajah, dekat sini hari ini.

Abdullah, yang dalam lawatan rasmi ke Melaka, sebelum itu merasmikan Sekolah Rendah Agama Bukit Katil serta melancarkan projek jalan luar bandar di Kilometer 30, Jalan Merlimau-Jasin.

Pada 14 November lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis akan menjadi tumpuan jentera kempen BN dalam menghadapi pilihan raya umum ini.

BN menumpukan perhatian kepada dua negeri di Pantai Timur dan dua negeri di utara kerana terlalu banyak fitnah dilemparkan pembangkang di wilayah berkenaan, yang penduduknya majoriti orang Melayu.

Mengenai kemungkinan BN di empat negeri itu masih dilanda masalah dalaman, Abdullah berkata, tiada lagi masalah besar dihadapi, kecuali perkara kecil yang boleh diatasi.

Sebelum itu, dalam ucapannya ketika melancarkan projek jalan luar bandar, Abdullah berkata, rakyat, terutama yang beragama Islam, sepatutnya bersyukur dengan menggunakan segala kemudahan disediakan kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, tindakan pemimpin pembangkang serta penyokongnya yang begitu taksub sehingga tidak mahu bersembahyang masjid tetapi sanggup bersolat di gelanggang badminton, adalah tidak elok.

(END)